

BERITA HARIAN

DATE: 17/02/2008

# Sekolah pondok tak pernah dipinggir

Oleh Azmi Md Deros, dan Siti Fatimah Mohamed Anwar

**P**OKOK SENA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak pernah meringgirkan sistem pendidikan sekolah pondok, malah sentiasa menggalakkan umat Islam menuntut ilmu kerana ia membawa kebaikan kepada pembangunan ummah.

Perdana Menteri berkata, selagi sistem pendidikan itu tidak bercanggah dengan Islam, ia tetap digalakkan kerana umat Islam perlu sentiasa belajar untuk menambah pengetahuan dan meningkatkan kecemerlangan mereka.

"Apa juga aliran dan sistem pembelajaran yang diguna pakai, tidak kira sekolah pondok atau asrama, selagi ia menyalurkan ilmu bermanfaat untuk kemajuan tamadun bangsa, maka ia sudah memadai.

"Kerajaan memainkan peranan besar untuk memastikan generasi akan datang dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi sekali gus menjadi bekalan untuk memacu pembangunan negara," katanya ketika berucap pada Majlis Kenduri Kampung dan Penyerahan Kunci Pondok Haji Ahmad, Kampung Kepala Bukit,

Bukit Pinang di sini, semalam.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Abdul Rahman Ibrahim.

"Apa yang lebih penting bagi umat Islam ialah mereka perlu sentiasa menguasai ilmu.

"Umat Islam tidak boleh terlalu bermegah dengan keagungan umat Islam pada zaman silam kerana keagungan itu akan hilang jika generasi masa kini gagal menguasai ilmu. Tanpa kekuatan ilmu umat Islam akan rugi dan mundur dalam segala bidang," katanya.

Pondok Haji Ahmad itu terbakar pada Ogos 2006, mengakibatkan 33

**“Umat Islam tidak boleh terlalu bermegah dengan keagungan umat Islam pada zaman silam”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

rumah musnah menyebabkan 280 penduduk hilang tempat tinggal. Berikutan itu, kerajaan negeri melalui Yayasan Basmi Kemiskinan Darulaman dan Jawatankuasa Bencana Alam Negeri membina semula 27 pondok di situ membabitkan peruntukan RM400,000.

Kerajaan akan membina enam lagi rumah dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan projek menaik taraf jalan ladang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) kepada jalan kampung di Yan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberikan pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat kerana kerajaan amat kasih dan sayang kepada rakyat.

Katanya, kasih sayang kerajaan itu dapat dibuktikan melalui pemberian pelbagai subsidi dan bantuan, termasuk pemberian pinjaman buku teks, pakaian seragam sekolah, makanan, menyediakan kemudahan sekolah serta memansuhkan yuran persekolahan.

"Kita kurangkan tanggungan perbelanjaan rakyat dan kita kawal kenaikan harga barang, sebagai mengeratkan lagi kasih sayang (antara kerajaan dengan rakyat)," katanya.

Projek itu dilaksanakan di bawah inisiatif Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER).

Abdullah berkata, rakyat harus tahu kerajaan menanggung sebahagian daripada kos sara hidup mereka, dalam bentuk bekalan air paip, elektrik dan rumah kos rendah.

"Jika bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein menunjukkan kasih sayang dengan membina jalan kampung, kerajaan sekarang pula mengeratkan lagi kasih sayang itu dengan membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut mengumumkan kerajaan memperuntukkan RM158 juta bagi menaik taraf jalan ladang Mada sepanjang 525 kilometer bagi keselesaan penduduk di kawasan berkenaan.

Fasa pertama kerja menaik taraf itu membabitkan peruntukan RM30 juta akan dimulakan bulan depan dan siap Jun ini.

Pada majlis itu, kerajaan turut menyampaikan bantuan berjumlah RM10.4 juta kepada mangsa banjir yang disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Kedah dan Perlis. Cek disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Syed Unan Mashri Syed Abdullah.